



JABATAN KEJURUTERAAN
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA (MBSJ)
Persiaran Perpaduan USJ 5,
47610 Subang Jaya,
Selangor Darul Ehsan.
Website : www.mbsj.gov.my

PS3	SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN PERMIT SEMENTARA / PEMBINAAN KECIL (EVCB) (BORANG PERMOHONAN PERMIT KEBENARAN MENJALANKAN KERJA-KERJA KOREKAN DI ATAS JALAN AWAM)	21
------------	---	-----------

1. BUTIRAN PEMOHON PERMIT

Nama Pemohon : _____
Alamat : _____

No. Tel. : _____

2. TAJUK PERMOHONAN :

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT	
Tarikh Diterima :	
JENIS KEMUDAHAN (tanda 'x')	
Air	
Elektrik	
Gas	
Pembentungan	
Telekomunikasi	
Lain-lain	

3. BUTIRAN KERJA

Nama Jalan-Jalan Yang Terlibat	atas jalan (m)	rezab/bahu jalan (m)	HDD/pipe jacking (unit)
i.			
ii.			
iii.			
iv.			
v.			
JUMLAH			

Pemeriksaan Tapak Bersama Pemohon
Tarikh :
Masa :

4. PERAKUAN

SAYA DENGAN INI MENGAKU TELAH MEMBERIKAN MAKLUMAT YANG BENAR SEMASA PERMOHONAN INI DIKEMUKAKAN. SAYA JUGA MENGAKU AKAN MEMATUHI SEMUA SYARAT DAN SPESIFIKASI KERJA SEPERTI YANG TELAH DIKEMUKAKAN OLEH PIHAK SAYA SERTA SEPERTI YANG TELAH DITETAPKAN DAN DILULUSKAN OLEH PIHAK MAJLIS. KEGAGALAN SAYA MEMATUHI SEMUA PERKARA DI ATAS AKAN MENYEBABKAN PIHAK MAJLIS MEMBATALKAN PERMIT SAYA TANPA KOMPROMI.

.....
(Tandatangan)

Nama : _____
No. ic : _____
No. Tel : _____
Cap Syarikat :

CATATAN : Sila lengkapkan semua butiran pada borang ini. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
JABATAN KEJURUTERAAN

BORANG SEMAKAN DOKUMENTASI PERMOHONAN PERMIT KOREKAN JALAN

Bil.	Perkara	Ada	Tiada
1.	Pengemukaan BORANG PERMOHONAN PERMIT KEBENARAN MENJALANKAN KERJA-KERJA KOREKAN DI ATAS JALAN AWAM REZAB MBSJ.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Pengemukaan BORANG PENGIRAAN BAYARAN CAGARAN.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	Dokumentasi yang perlu dikemukakan i. Pelan Lokasi Tapak ii. Pelan Laluan Kerja (bezakan warna bagi jenis kerja yang dijalankan) iii. Keratan Rentas (<i>typical cross section</i>) iv. Gambar foto keadaan tapak sedia ada (dilakarkan laluan kerja berserta kedudukan pokok sedia ada) v. <i>Traffic Management Plan</i> berwarna yang disahkan vi. <i>Method Statement</i> yang disahkan Salinan Insurans Tanggungan Awam yang masih berkuat kuasa. vii. viii. Surat kelulusan/kebenaran oleh pihak ketiga (SEKIRANYA BERKAITAN) a. _____ b. _____ c. _____	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
4.	Pengemukaan Wang Cagaran Korekan Jalan berupa : i. Online Atas nama MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA.	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
5.	Pengemukaan Bayaran Proses Permit bernilai RM200.00	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6.	Pengemukaan salinan Insurans Tanggungan Awam (<i>Public Liability Insurance</i>)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7.	Pengemukaan Syarat-syarat Pengorekan Jalan yang telah ditandatangani/diperakui oleh pemohon.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Disemak oleh:

(Tandatangan dan Cap)



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

JABATAN KEJURUTERAAN

BORANG PENGIRAAN BAYARAN CAGARAN

1.	Kiraan Cagaran Bagi Kerja Korekan Atas Jalan	Jumlah (RM)
	<p>a. Kerja-kerja mengambus semula bekas/parit korekan (trenching) dengan 300mm tebal minima crusher run/hardcore dan 100mm tebal minima asphaltic concrete binder course (kedua-dua ketebalan adalah selepas dipadatkan).</p> <p>Panjang _____ m Lebar _____ m Kadar RM 60.00/m²</p> <p>b. Kerja-kerja kisan dan turapan jalan (milling and repaving works)</p> <p>i. Jalan Utama/Persiaran/Lebu (turapan menggunakan stone mastic asphalt - SMA - 50mm minima tebal selepas dipadatkan)</p> <p>Panjang _____ m Lebar _____ m Kadar RM 75.00/m²</p> <p>ii. Jalan Bandaran/Jalan Kampung/Lorong Tepi/Lorong Tengah (AC14-50mm tebal selepas dipadatkan)</p> <p>Panjang _____ m Lebar _____ m Kadar RM 50.00/m²</p>	
2.	Kiraan Cagaran Kerja Korekan Atas Bahu Jalan/Pembahagi Jalan	
	<p>a. Kerja-kerja pembaikan bekas korekan di laluan pejalan kaki/laluan sikal</p> <p>Panjang _____ m Lebar _____ m Kadar RM 45.00/m²</p> <p>b. Kerja-kerja pembaikan bekas korekan di bahu jalan/pembahagi jalan (median) termasuk menanam rumput secara rapat-rapat (close turfing)</p> <p>Panjang _____ m Lebar _____ m Kadar RM 45.00/m²</p>	
JUMLAH KESELURUHAN (atau minima RM 20,000.00)		

Disediakan oleh :

Disokong/Tidak disokong pada _____

Tandatangan dan Cap PJ/PJK

Tandatangan dan Cap PP/PPK

1. Pemohon dikehendaki mengemukakan segala borang permohonan dan syarat-syarat yang telah mendapat pengesahan Pihak Majlis ke Kaunter OSC semasa membuat pembayaran cagaran dan pemprosesan permit tersebut.
2. Bayaran balik cagaran akan dibuat 1 tahun selepas kerja-kerja pembaikan kekal disiapkan.
3. Permohonan yang telah mendapat sokongan untuk diproses hanya **sah dalam tempoh 6 bulan** sahaja. Permohonan akan terbatal secara automatik sekiranya tamat tempoh yang diberi.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA SYARAT-SYARAT KERJA PENGOREKAN JALAN

1.0 SYARAT-SYARAT AM:

- 1.1. Tertakluk kepada Undang-undang Kecil Kerja di Jalan 1996 serta Akta Parit, Jalan dan Bangunan Akta (133), Seksyen 40 dan Akta Pengangkutan Jalan 1987 Akta 333 Seksyen 85.
- 1.2. Permit ini boleh dimansuhkan pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlak Majlis.
- 1.3. Kebenaran kerja tertakluk kepada masa berikut:
 - 1.3.1 Isnin hingga Jumaat : 8.00 pagi – 6.00 petang
 - 1.3.2 Sabtu : 8.00 pagi – 1.00 petang
 - 1.3.3 Ahad : Tidak dibenarkan menjalankan kerja-kerja korekan jalan
- 1.4. Papan tanda yang mencukupi hendaklah disediakan bagi kerja-kerja berkenaan seperti berikut:
 - 1.4.1 Papan tanda kenyataan projek
 - 1.4.2 Papan tanda isyarat lalu lintas sementara seperti lencongan, awas dll.
 - 1.4.3 Kon/penghadang keselamatan
 - 1.4.4 Lampu Amaran
- 1.5. Pihak tuan dikehendaki mengemukakan pelan lokasi dan pelan keratan rentas lokasi korekan cadangan yang telah disahkan oleh pihak Jurutera/Pegawai Bertauliah dan mendapat kelulusan laluan daripada pihak berkenaan.
- 1.6. Penutupan jalan adalah tidak dibenarkan sama sekali bagi menghalang lalu lintas awam semasa/selepas kerja-kerja korekan jalan.
- 1.7. Pihak tuan dikehendaki berhubung dengan penduduk sekitar kawasan yang terlibat sebelum memulakan kerja dengan memberikan 'notis pemberitahuan' bagi mengelak sebarang masalah yang mungkin timbul kesan daripada kerja-kerja yang dilaksanakan.

- 1.8. Jika lanjutan tempoh permit diperlukan, pihak tuan mestilah menghantar surat berserta gambar kemajuan kerja di tapak dalam tempoh seminggu (7 hari) sebelum tarikh tamat permit.

2.0 SYARAT-SYARAT PEMOTONGAN TERBUKA DI ATAS JALAN (PREMIX) PEMOTONGAN MELINTASI JALAN.

2.1. Kaedah *Horizontal Directional Drilling/Pipe Jacking*.

- 2.1.1 Ia melibatkan semua pemotongan melintasi jalan utama bagi menanam kabel, paip dan sebagainya mengikut keperluan di tapak seperti yang diarahkan oleh pegawai penguasa Majlis.
- 2.1.2. Paip atau kabel bawah tanah hendaklah ditanam/rentang tidak kurang daripada 1.5 meter dari paras tanah.
- 2.1.3. Bagi pengorekan *point* untuk pit, tuan dipertanggungjawabkan untuk menampung sementara serta memampatkan semula lubang korekan dengan serta-merta. Bagi korekan dipermukaan jalan, pasir dan *crusher-run* digunakan sebagai bahan tampungan (hingga ke paras permukaan jalan) dan di bahu jalan bahan yang sama bolehlah digunakan bagi tujuan sama.
- 2.1.4. Semua kerja-kerja melintasi jalan hendaklah dibaiki/ditampung semula mengikut piawaian Majlis dengan segera dalam tempoh 24 jam selepas penanaman kabel/paip dijalankan.

2.2 Kaedah pemotongan terbuka di atas jalan:

- 2.2.1. Hanya satu pemotongan terbuka dibenarkan pada setiap masa dan dilakukan secara *clean cut with diamond saw* untuk turapan jalan.
- 2.2.2. Sebarang pemotongan jalan untuk penanaman kabel/paip hendaklah mendapat kelulusan Majlis terlebih dahulu.
- 2.2.3. Hendaklah memastikan sesudah permukaan jalan dikorek, kerja baik pulih dengan mengambus semula dengan bahan yang diluluskan serta dipadat, asas jalan (*crusher run*) 200mm tebal terpadat, semburan *prime coat* dan diturap dengan konkrit *asphalt premix* minima 75mm terpadat.
- 2.2.4. Pemadatan perparitan yang telah dikorek ditutup dengan menggunakan mesin pengelek pemampat seberat 2 tan.
- 2.2.5. Sisa binaan/peralatan kabel/paip yang telah tidak digunakan hendaklah dikeluarkan dan dibuang terus daripada kawasan kerja.
- 2.2.6. Pihak tuan tidak dibenarkan menggunakan semula tanah berkenaan untuk tujuan penambahan semula perparitan korekan.

- 2.2.7. Memastikan dari semasa ke semasa, permukaan jalan berkaitan sentiasa dibaikpulih jika terdapat mendapan/kerosakan.
- 2.3 Kaedah Pemotongan Bahu Jalan/Pejalan Kaki.
 - 2.3.1. Bagi perparitan yang dikorek di bahu jalan, permukaan bahu jalan hendaklah ditambah dan dipadatkan dengan bahan-bahan yang diluluskan Majlis seperti pasir dan tanah mengikut kelulusan Majlis.
 - 2.3.2 Rerumput yang berkualiti hendaklah ditanam semula secara rapat dengan tanah *soil* di atasnya menentukan semula laluan pejalan kaki, dinding parit, papan tanda iklan.
 - 2.3.3. Saluran longkang (*scupper drain*) dan bebendul jalan yang rosak hendaklah dibaiki mengikut spesifikasi asal Majlis selepas kerja-kerja korekan dijalankan.

3.0 PEMBAIKAN SEMULA JALAN

- 3.1. Pihak tuan dikehendaki menjalankan kerja-kerja baik pulih *trenching* dengan kaedah *mill and pave* dalam tempoh 3 bulan dari tarikh siap. Tertakluk pada syarat tambahan yang diarahkan pihak Majlis selepas kerja siap seperti berikut:
 - 3.1.1. Jalan utama/persiaran/lebuah hendaklah dibaik pulih dengan kaedah *mill & pave* dengan bahan turapan jenis *stone mastic asphalt (sma)*.
 - 3.1.2. Jalan bandaran/jalan kampung/lorong tepi/lorong tengah hendaklah dibaik pulih dengan kaedah *mill & pave* dengan bahan turapan jenis AC14.
 - 3.1.3. Ketebalan minima permukaan jalan adalah 50mm berdasarkan ujian *coring* yang dijalankan bersama-sama pegawai penguasa Majlis untuk tujuan pengesahan di tapak.
 - 3.1.4. Mengecat semula garisan permukaan jalan dan sebagainya dengan menggunakan cat *thermoplastic*.
 - 3.1.5. Segala kerosakan luar jangka yang melibatkan kerja korekan hendaklah dibaki dengan kadar segera dengan arahan daripada pihak Majlis dan segala tanggungan untuk memperbaiki kerosakan adalah di bawah tanggungjawab pihak tuan.
 - 3.1.6. Sekiranya pihak tuan gagal menjalankan pembaikan seperti yang telah diarahkan pihak Majlis dalam tempoh yang telah ditetapkan, tindakan memberikan notis/surat akan dikeluarkan dan pihak Majlis akan menjalankan kerja-kerja pembaikan berkenaan dengan menolak nilai cagaran pihak tuan berdasarkan nilai kerosakan disebabkan kerja-kerja korekan yang telah dijalankan pihak tuan.

4.0 TANGGUNGJAWAB DAN TANGGUNGAN

- 4.1. Dua orang pengawal papan tanda isyarat 'BERHENTI/JALAN' perlu disediakan untuk mengawal lalu lintas selorong di setiap tempat di mana pemotongan jalan secara terbuka dijalankan.
- 4.2. Papan tanda amaran berkelip-kelip (*flashing lamps*) mestilah dipasang sekiranya kerja-kerja dijalankan pada waktu malam.
- 4.3. Pihak tuan dikehendaki mengemukakan satu set pelan lukisan menunjukkan turutan pembinaan dan muka keratan rentas bahagian jalan yang ditanam paip atau kabel.
- 4.4. Pihak tuan dikehendaki mengaturkan satu lawatan tapak seminggu sebelum pengesahan permohonan tuan diluluskan untuk semakan laluan korekan bagi tujuan pengawasan di tapak oleh pihak Majlis.
- 4.5. Gambar foto sebelum, semasa dan selepas hendaklah dikemukakan kepada pihak Majlis setelah kerja-kerja pembaikan disahkan di tapak oleh pegawai penguasa Majlis.
- 4.6. Kerja-kerja pengorekan di bahu jalan/jalan raya yang dibenarkan pada satu masa adalah seperti berikut:

Bil.	Perkara	Panjang Maksima
1.	Telekomunikasi	250 m
2.	Bekalan Air	100 m
3.	Pembentungan	100 m
4.	Gas	100 m
5.	Elektrik	100 m

- 4.7. Tempoh tanggungan kecacatan bagi semua kerja-kerja yang terlibat dengan pemasangan ini adalah 1 tahun setelah kerja-kerja pembaikan sempurna ditapak. Dan pihak tuan hendaklah menjalankan kerja-kerja segera jika jalan itu mengalami kecacatan.
- 4.8. Wang cagaran dalam bentuk **ONLINE** atas nama Majlis Bandaraya Subang Jaya mengikut jumlah yang telah disahkan oleh Pengarah Jabatan Kejuruteraan sebelum kelulusan diberikan.
- 4.9. Pihak Majlis berhak memberhentikan kerja-kerja yang sedang dijalankan oleh pihak tuan sekiranya mendapati kerja-kerja yang dilakukan tidak teratur mengikut pemerhatian di tapak yang dijalankan secara susulan.
- 4.10. Pihak Majlis berhak menambah, meminda mana-mana syarat pada bila-bila masa jika perlu tanpa sebarang notis pemberitahuan.

5.0 PENGAKUAN

- 5.1. Saya faham dan akan mematuhi segala syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam kandungan di atas. Sekiranya, pihak kami gagal mematuhi segala syarat/spesifikasi yang ditetapkan Majlis, pihak kami bersedia menerima apa sahaja tindakan yang ditetapkan di bawah peruntukan Akta Parit, Jalan dan Bangunan (Akta 133)

(_____)
Tandatangan/Cap Rasmi Syarikat
Nama :
No. Kad Pengenalan :
No. Tel :
Jawatan :